

PEMIKIRAN ISLAM DALAM KONTEKS SOSIOEKONOMI DALAM KUMPULAN CERPEN CAHAYA PELITA NURANI

**(ISLAMIC THOUGHT IN THE CONTEXT OF SOCIO-ECONOMICS
IN THE SHORT STORY CAHAYA PELITA NURANI)**

Normaizatul Anis Ahmad

Halis Azhan Mohd Hanafiah

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Makalah ini melihat pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dalam kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani* (2015) karya Nazri Hussein. Fokus kajian ini adalah untuk (i) mengklasifikasi pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dan (ii) menganalisis pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi untuk melihat perkaitannya dengan masyarakat yang terdapat dalam enam buah cerita yang dipilih. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kepustakaan, menganalisis kandungan teks dan pengaplikasian Pendekatan Kemasyarakatan bagi menguatkan lagi hujah yang ingin disampaikan. Pendekatan ini melihat sastera sebagai alat pendedahan kepada segala persoalan yang wujud dan bertujuan mencari kebaikan dan kesejahteraan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi berdasarkan kepada enam buah cerita yang dipilih membincangkan persoalan kemiskinan dan penindasan, kesamarataan hak, pembangunan, pekerjaan dan perbandaran sesuai diterapkan dengan Pendekatan Kemasyarakatan.

Kata kunci: Pemikiran Islam, sosioekomi, pendekatan kemasyarakatan, cerpen *Cahaya Pelita Nurani*, Nazri Hussein.

Abstract

*This article examines the Islamic thought in the context of socio-economics in the short story *Cahaya Pelita Nurani* (2015) by Nazri Hussein. The focus of this study is (i) to classify the Islamic thought in the context of socio-economics and (ii) to analyse the Islamic thought in the context of socio-economics in order to identify its relation with society in six selected stories based on the relevance of the aspect studied. The methods involved are library research and content analysis, and through the application of Community Approach to strengthen the points put forth. This approach saw the arts as a tool for exposure questions that arise and seeks to find the good and wellbeing of society as required by Islam. The results of this study found that the Islamic thought in the context of socio-economics based on the six selected stories discusses the question of poverty and oppression, equality of rights, development, employment and urbanization in accordance with the Community Approach.*

Keywords: Islamic thought, socio-economics, community approach, short story *Cahaya Pelita Nurani*, Nazri Hussein.

Pengenalan

Joni Tamkin Borhan (2008, p. 93) menyatakan bahawa pembangunan ekonomi dalam Islam bermatlamat untuk mencapai kebajikan manusia. Pembangunan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan anugerah Allah dengan cara yang betul dan dapat memberi kesan yang baik kepada manusia (Muhammad Al-Sayyid Yusuf, 2008, p. 249). Islam merupakan agama yang syumul kerana mengandungi peraturan hidup yang lengkap dan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan manusia termasuklah aspek ekonomi. Menurut Joni Tamkin Borhan (2008: 94) lagi, pembangunan ekonomi dalam perspektif Islam bukan sahaja bersifat material tetapi juga spiritual. Hal ini bermaksud pembangunan ekonomi adalah sejajar dengan pembangunan manusia.

Sehubungan dengan itu, makalah ini memfokuskan aspek pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen terpilih dalam kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani*. Kumpulan cerpen ini didapati menghadirkan sejumlah watak orang Melayu yang mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan mereka. Enam buah cerita dikenal pasti menonjolkan pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi iaitu “Aku Belum Mati Lagi”, “Dusun Ibunda”, “Makna Dalam Warna”, “Penjara Cinta”, “Layar Dongeng” dan “Jentayu Mengepak Langit”. Kesemua cerita ini dilihat bersesuaian dengan aspek yang dikaji. Berdasarkan perbincangan kajian lepas didapati bahawa kajian-kajian tersebut menumpukan kepada aspek pemikiran, nilai-nilai Islam dan tema berunsur Islam. Sorotan yang dilakukan mendapati bahawa belum ada kajian secara khusus tentang pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dilakukan dalam kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani*.

Sorotan Kajian Lepas

Pemikiran menjadi teras dalam penghasilan karya. Tanpa pemikiran dan idea daripada pengarang, sesuatu karya dan penulisan tidak akan berjaya dihasilkan. Oleh itu, perbincangan tentang pemikiran banyak dicetuskan dalam karya khususnya dalam cerpen Melayu.

Beberapa kajian sastera yang menyentuh mengenai aspek pemikiran telah dilakukan oleh Ramli @ Sahari Isin (2003) yang memfokuskan kepada perkembangan cerpen Melayu antara dekad 1970-an hingga ke dekad 1990-an. Hasil kajian mendapati bahawa dalam tiga dekad tersebut, genre cerpen berkembang dengan rancak. Perkara ini dikesan dari segi isu-isu yang menjadi pemikiran pengarang dan teknik naratif yang diterapkan bagi membangunkan sesebuah cerpen itu. Antara faktor yang lain ialah pengarang, institusi penerbit, institusi kewangan, institusi pengajian tinggi, pembaca dan badan-badan kesusteraan. Kajian ini turut menyimpulkan terdapat tiga pemikiran, tema dan persoalan yang diungkapkan secara dominan dalam cerpen Melayu dalam tempoh tersebut, iaitu pemikiran sosioekonomi, sosioekonomi dan sosiopolitik dan kepimpinan.

Samsina Abd Rahman (1990) menganalisis sajak-sajak daripada pemenang Sayembara Puisi Putra yang melibatkan penyair-penyaier A. Latiff Mohidin, Zurinah Hassan, Lim Swee Tin, Moechtar Awang, Diah Hadening, Sepadi Joko Demono dan B. Y. Tand. Dalam kajian tersebut, aspek pemikiran yang difokuskan yang berhubung dengan soal diri atau introspeksi diri. Pemikiran lain yang turut dibincangkan ialah alam, kemanusiaan, keagamaan, dan retrospeksi diri yang digabungkan. Perincian penklassifikasi pemikiran dalam puisi-puisi Anugerah Puisi Putra iaitu introspeksi diri dengan alam, introspeksi diri dengan kemanusiaan, introspeksi diri dengan keagamaan, introspeksi diri dengan sejarah bangsa Melayu, introspeksi diri dengan sejarah dan tamadun Islam dan introspeksi diri dengan retrospeksi diri.

Naafie Mat (1999) mengkaji kumpulan puisi *Tulisan di Kamar Tidur* (1960) oleh Suhaimi Hj. Muhammad, *Timbang Terima* oleh Kemala, *Penemuan* (1975) oleh A. Wahab Ali, *Wawa Maya* (1974) oleh Dharmawijaya dan *Kesan Kunjungan* (1982) oleh Rahman Shaari. Beliau mendapati aspek pemikiran yang berkaitan dengan aspek kemasyarakatan. Aspek-aspek kemasyarakatan yang difokuskan adalah aspek sosial, ekonomi, politik dan keagamaan. Kajian yang dibuat adalah untuk memperjelaskan introspeksi diri penyair dengan elemen-elemen kehidupan masyarakat dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Hasil kajian menemukan wujud hubungan yang utuh antara introspeksi diri penyair dan keluarga. Kedua, hubungan introspeksi diri penyair dengan masyarakat desa dan kota. Akhir sekali, terdapat juga hubungan introspeksi diri penyair dengan keadaan politik dan fahaman keagamaan dalam masyarakat.

Seterusnya, Samsudin Ahmad (2000) membincangkan aspek pemikiran dan bentuk luaran sajak-sajak Masuri S.N. dari tahun 1945 hingga tahun 1995. Sajak-sajak tersebut dibahagikan kepada dua era, iaitu era sebelum merdeka dan era selepas merdeka. Dalam aspek pemikiran, terdapat empat aspek utama, iaitu nasionalisme, kemasyarakatan, introspeksi diri, dan pemikiran tentang alam. Sementara itu, aspek pemikiran sajak-sajak Masuri S.N. selepas merdeka (1957-1995) yang dibincangkan adalah berkaitan dengan aspek politik dan nasionalisme, cinta akan tanah air dan maruah bangsa, politik dan moral politikus, kemasyarakatan, kemiskinan, nilai

moral masyarakat, hubungan masyarakat, pembaharuan dan permodenan, dan introspeksi diri. Pemikiran introspeksi diri dibahagikan kepada kepenyairan, agama dan ketuhanan, serta pengertian hidup. Pendekatan stilistik digunakan dalam menganalisis aspek tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa bukan sahaja berlaku perubahan dalam bentuk luaran sajak tetapi perubahan yang dominan turut berlaku dalam aspek pemikiran antara sajak sebelum dengan selepas merdeka.

Kajian oleh Nordin Mohamad (1997) dalam novel-novel pilihan Shahnon Ahmad mendapati bahawa gambaran tentang pemikiran-pemikiran dan fahaman-fahaman Islam yang disalahertikan oleh masyarakat Melayu dan menjadi amalan dalam kehidupan mereka. Selain itu, terdapat juga seruan tentang perlunya orang Melayu memajukan diri dalam apa jua bidang.

Zaharah Zulkifly (2001) menumpukan kepada aspek pemikiran yang tersurat dalam karya-karya puisi Leo A. W. S dengan mengaplikasi prinsip-prinsip Teori Takmilah. Kajian ini membicarakan tentang sejarah perkembangan puisi secara am di Malaysia sehinggalah kemunculan puisi-puisi bernada Islam, iaitu pada hujung tahun 1960-an dan pada awal tahun 1970-an. Hasil kajian menemukan bahawa puisi-puisi berunsur Islam ini lahir daripada rasa kesedaran para penyair Islam terhadap tanggungjawab mereka untuk menyebarkan dakwah melalui karya seni.

Seterusnya, Mohd Nasir Md. Nor (1991) membicarakan tentang latar belakang Muhammad Hj. Salleh sebagai penyair. Seterusnya, kajian ini menganalisis tema-tema yang dikemukakan dalam puisi-puisi yang dihasilkan oleh Muhammad Hj. Salleh dengan memfokuskan kepada lima buah kumpulan puisinya, iaitu *Sajak-Sajak Pendatang* (1971), *Perjalanan Si Tenggang II* (1975), *Ini Juga Duniaku* (1978), *Dari Seberang Diri* (1982), dan *Kalau, Atau dan Maka* (1986). Analisis tema-tema ini dikaitkan dengan pemikiran yang dikemukakan oleh Muhammad Hj. Salleh melalui puisi-puisinya.

Selain itu, Muhamad Haji Salleh (1998) membicarakan tentang pemikiran dan perkaitannya dengan keadaan sesebuah masyarakat, cara

menghadapi persekitarannya dan juga penentu penyambungannya. Kajian ini menemukan bahawa pemikiran berupaya menguji daya fikiran dan bangsanya. Bangsa yang kuat dikatakan adalah bangsa yang dapat menjawab persoalan-persoalan yang lebih besar seperti hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan alam dan manusia dengan manusia.

Ab. Halim Mohamad dan Muhd Zulkifli Ismail (2003) membincangkan tentang diri Hamzah Fansuri sebagai penyair tersohor di alam Melayu pada abad ke-16. Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat unsur maqamat kesufian yang menjadi identiti kepada akhlak seperti yang diketengahkan oleh Hamzah dalam syairnya. Pada akhir kajian didapati terdapat nilai akhlak yang menjadi identiti syair sufi Hamzah Fansuri.

Seterusnya, kajian oleh Ramli @ Sahari Isin (2003) mengkaji puisi-puisi Baha Zain yang terkumpul dalam *Esei dan Puisi Baha Zain* (DBP, 2000: 91-157) seperti “Turki”, “Petaling Jaya”, “Kuala Lumpur”, “Iowa City”, “Chicago”, “Ann Arbor”, “Paris”, “Jordan”, “Cairo”, “Jakarta”, dan “Madrid”. Tumpuan yang dikaji adalah aspek pemikiran, bentuk dan gaya pengucapan. Antara aspek pemikiran dan visi yang ditemui ialah yang berkaitan sosioekonomi, sosioekonomi, dan sosiopolitik.

Harry Aveling (1992) membicarakan tentang Shahnon Ahmad yang signifikan dengan sejarah kesusteraan Melayu sebagai penulis dan juga pendebat “Sastera Islam”. Selain itu, kajian turut melihat pemikiran Shahnon terhadap hubungan Islam dengan sastera dalam novel *Tok Guru* (1988). Didapati bahawa karya Shahnon Ahmad wajar dianggap sebagai Sastera Melayu Islam.

Ahmad Kamal Abdullah (1988) turut mengkaji tentang unsur-unsur Islam dalam puisi-puisi Melayu moden dengan membicarakan tentang pemikiran Islam, sejarah, dan tamadun serta tokoh-tokoh Islam untuk diterapkan dalam puisi-puisi melayu moden. Selain itu, kajian juga membincangkan aspek teknik yang diterapkan secara tidak langsung terutama berhubung dengan unsur-unsur keindahan. Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek keindahan merupakan puncak

ketinggian sesebuah karya kreatif imaginatif khususnya genre puisi iaitu sajak yang menjadi bahan kajiannya.

Kajian oleh Syed Nurul Akla Syed Abdullah (1996) mendapati bahawa pengislaman kesusteraan mampu dilakukan sekiranya penulis itu sendiri mampu membaiki pegangan akidah dan pemikiran Islam. Ini adalah kerana pemikiran Islam yang benar, lurus dan mantap sahaja yang mampu menghasilkan karya sastera bersifat tasawuf terhadap ketuhanan, kehidupan, alam dan manusia dalam semangat Islam.

Rumusannya, didapati bahawa kajian berkaitan pemikiran Islam telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Namun, pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi disentuh secara tidak khusus. Justeru, kajian yang menyentuh aspek pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi yang lebih menyeluruh wajar dilakukan. Tambahan pula, aspek pemikiran Islam dalam kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani* masih belum dikaji. Oleh itu, perbincangan ini diharapkan dapat memenuhi persoalan pokok yang menjadi fokus kajian iaitu berkaitan pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dalam bahan yang dipilih.

Pendekatan Kemasyarakatan

Makalah ini mengaplikasikan Pendekatan kemasyarakatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang dicetuskan oleh Hashim Awang (1994). Teori Pengkaedahan Melayu ini dikemukakan berlandaskan kepada semua aspek kehidupan manusia seperti cara, sikap, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu (Naffi Mat, 2013, p. 34). Menurut Hashim Awang (2002, p. 1), sesuatu pembentukan karya adalah bertunjangkan realiti kehidupan dan agama pengkarya.

Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Kedua-dua pengkaedahan ini berkait antara satu sama lain. Pengkaedahan Alamiah berteraskan kepada cara hidup atau sikap masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri mereka. Aspek ini dapat mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu. Hashim

Awang menggariskan teori ini dengan tanggapan sastera sebahagian daripada objek alam yang bermaksud sesuatu karya sastera itu dihasilkan berdasarkan pengamatan dan daripada pengalaman hidup pengkarya. Objek alam ini termasuklah haiwan, tumbuhan, dan manusia. Pengkaedahan Alamiah dipecahkan kepada tiga pendekatan, iaitu Pendekataan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat.

Kedua ialah Pengkaedahan Keagamaan. Menurut Hashim Awang dalam Naffi Mat (2013, p. 52), pengkaedahan ini berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan akidah agama Islam. Pengkaedahan ini bersumberkan kepada al-Quran dan hadis yang berfungsi untuk menonjolkan sifat keagungan Allah dan mempertingkatkan ketakwaan. Pengkaedahan Keagamaan ini dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan, dan Pendekatan Seni.

Makalah ini menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan dalam mencapai objektif-objektif yang digariskan. Menerusi pendekatan ini, sastera dianggap sebagai alat pendedahan kepada segala persoalan yang wujud dalam kehidupan masyarakat dan bertujuan mencari kebaikan serta keadilan berdasarkan fahaman Islam. Penelitian ini menggunakan kaedah analisis teks cerita-cerita terpilih dalam kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani* untuk melihat persoalan kemiskinan dan penindasan, kesamarataan hak, pembangunan, pekerjaan dan perbandaran. Persoalan-persoalan ini akan dilihat dari sudut Islam dengan menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan. Menurut Hashim Awang (1994), Pendekatan Kemasyarakatan berupaya untuk menilai permasalahan masyarakat dalam karya dan juga diri pengarang menerusi idea penulisan yang diketengahkan dalam karya. Tambah beliau lagi, Pendekatan Kemasyarakatan bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup dan pengukuhan iman manusia kepada Allah SWT. Selain itu, Ismail (1990) berpendapat bahawa pengertian sosioekonomi adalah menekankan aspek kemasyarakatan dan kemanusiaan dalam penilaian terhadap aspek sosioekonomi. Oleh hal yang demikian, persoalan-persoalan ini sesuai diterapkan dengan Pendekatan Kemasyarakatan untuk menganalisis pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dalam enam buah cerita terpilih.

Objektif Kajian

Makalah ini menggariskan dua objektif seperti yang berikut:

- i. Mengklasifikasikan pemikiran Islam dalam konteks sosio-ekonomi dalam kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani*.
- ii. Menganalisis pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dalam kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani* untuk melihat perkaitannya dengan masyarakat.

Analisis dan Perbincangan

Analisis yang dilakukan terhadap kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani* menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan menemukan bahawa pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi mengangkat beberapa persoalan yang dilihat sesuai, iaitu kemiskinan dan penindasan, kesamarataan hak, pembangunan, pekerjaan dan perbandaran sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Pemikiran Islam dalam Konteks Sosioekonomi

Sosioekonomi		
Bil	Persoalan	Tajuk cerpen
1.	Kemiskinan & penindasan	“Aku Belum Mati Lagi”
2.	Kesamarataan hak	“Dusun Ibunda”
3.	Pembangunan	“Dusun Ibunda”
4.	Pekerjaan	“Makna Dalam Warna”, “Penjara Cinta”, “Layar Dongeng”
5.	Pembandaran	“Jentayu Mengepak Langit”

Berdasarkan Jadual 1 di atas, didapati bahawa terdapat enam buah cerita yang membawa pemikiran Islam dari aspek sosioekonomi, iaitu “Aku Belum Mati Lagi”, “Dusun Ibunda”, “Makna Dalam Warna”, “Penjara Cinta”, “Layar Dongeng” dan “Jentayu Mengepak Langit”.

Kemiskinan dan Penindasan

Muhammad Al-Sayyid Yusuf (2008, p. 197-198) mentakrifkan kemiskinan sebagai suatu ketidakmampuan untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Terdapat banyak faktor yang boleh menyebabkan kemiskinan berlaku seperti kejadian banjir, gempa, kebakaran atau rompakan dan sebagainya. Selain itu, kemiskinan juga berlaku disebabkan oleh kepincangan struktur ekonomi yang mewujudkan ketidaksama rataan kekayaan dalam suatu kumpulan tertentu dalam menguasai ekonomi dan aset-aset ekonomi. Situasi ini akan menyebabkan mereka yang tergolong dalam golongan miskin terus dibelenggu kemiskinan dan yang kaya menjadi semakin kaya. Oleh itu, al-Quran berperanan sebagai panduan dan menuntut manusia agar saling membantu antara satu sama lain. Sememangnya kehidupan di dunia ditakdirkan oleh Allah SWT sebagai tempat untuk manusia berusaha menjalani dugaan dan ujian untuk menuju kepada kesempurnaan dan pengabdian diri di akhirat.

Tambah Muhammad Al-Sayyid Yusuf (2008, p. 199) lagi, kemiskinan dan penindasan mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana penindasan akan menyebabkan penderitaan kepada manusia, seterusnya akan mendorong kepada berlakunya kemiskinan. Menerusi petikan teks dalam cerpen “Aku Belum Mati Lagi”, persoalan kemiskinan dan penindasan ditonjolkan sebagaimana yang dapat dilihat dalam petikan berikut:

...Di sini akan kami kubangkan darah jasad para musuh tanpa secubit pun belas ihsan seperti haiwan-haiwan ternakan tanpa mengira sesiapa pun – lelaki, perempuan, kanak-kanak, dan para wanita. Bukankah Yahudi umat yang dirahmati?”

(*Aku Belum Mati Lagi*, 2015, p. 96)

“Ah, aku tidak mahu mati lagi! Tidak! Berilah aku secebis masa untuk aku menyesali dan bertaubat atas kezaliman yang pernah kuperlakukan dahulu. Jangan matikan aku dahulu, Tuhan. Jangan. Jangan lagi. Aku belum bersedia...”

(*Aku Belum Mati Lagi*, 2015, p. 105)

Berdasarkan petikan di atas, cerpen menceritakan tentang kekejaman yang dilakukan oleh watak seorang pemimpin Yahudi yang menindas dan menyeksa rakyat Palestin. Tindakan daripada tentera Yahudi yang menyerang orang Islam tanpa perasaan belas kasihan ini telah menunjukkan perbuatan yang zalim. Situasi ini telah memberikan kesan yang medalam dan menyebabkan penderitaan kepada manusia. Petikan juga menceritakan bahawa hasil daripada tindakan kejam pemimpin Yahudi tersebut telah menyebabkan rakyat Palestin mengalami kedaifan dan kehilangan tempat tinggal, pakaian dan ahli keluarga.

Tambahan lagi, petikan “Bukankah Yahudi umat yang dirahmati?” merupakan monolog dalaman watak pemimpin Yahudi tersebut ketika dalam keadaan koma dan nazak di hospital. Walaupun fizikalnya sudah tidak berfungsi seperti dulu lagi, namun minda beliau masih hidup dan sentiasa mengagung-agungkan bangsanya (Yahudi) yang dikatakan bangsa yang dirahmati. Namun begitu, pada akhir cerita “Aku Belum Mati Lagi” ini ditunjukkan bahawa beliau menyesali dan bertaubat atas kezaliman yang pernah dilakukan dahulu. Hal ini menunjukkan bahawa ketentuan serta ketetapan adalah daripada Allah SWT. Paparan ini menggambarkan kemiskinan dan penindasan menjadi sebahagian ujian kehidupan. Penerimaan masyarakat Palestin dan juga penyesalan pemimpin Yahudi tersebut menunjukkan bahawa pada akhirnya mereka menerima dan menuntut pengakhiran kehidupan yang baik di akhirat seajar dengan intipati pendekatan kemasyarakatan yang menuntut kebaikan dalam kehidupan.

Kesamarataan Hak

Pemikiran Islam dalam konteks sosiekonomi Melayu turut menekankan tentang kesamarataan hak. Kesamarataan hak mempunyai pertautan yang erat dengan konsep keadilan. Menurut Mohamad Zarifi Mohamad Dail dan Taqwa Zabidi (2009: 118), keadilan merupakan perletakan sesuatu perkara di tempat yang sepatutnya. Hal ini mempunyai pertautan rapat dengan kesamarataan hak dan tanggungjawab yang diagihkan secara sama rata dalam kalangan

masyarakat. Daripada sudut bahasa dapatlah difahami bahawa keadilan dan kesamarataan hak ialah satu keadaan yang harmoni, iaitu setiap sesuatu perkara berfungsi mengikut aturan yang sepatutnya dan sesuai dalam lapangan masyarakat tersebut. Persoalan kesamarataan hak ditonjolkan dalam cerpen “Dusun Ibunda” sebagaimana yang berikut:

“...Bukankah dusun pusaka ini hak bersama? Ini warisan moyang untuk kita jaga dan pelihara! Kita tidak ada tanah lain melainkan dusun tinggalan ibunda ini. Ingat pesan nenda dahulu, bertelingkah akan hanya membawa musibah.”

(*Dusun Ibunda*, 2015, p. 141)

Berdasarkan petikan di atas, diceritakan bahawa cucu nenda berusaha mempertahankan dusun pusaka yang ditinggalkan oleh nenda daripada perebutan antara keluarganya. Cucu nenda tersebut berkeras dengan keputusannya bahawa dusun pusaka tersebut tidak boleh diberikan kepada satu pihak sahaja. Hal ini demikian kerana berlaku pertelingkahan dengan seorang lagi cucu nenda yang cuba untuk mendapatkan dusun tersebut untuk kepentingan peribadinya dengan menjual dusun pusaka itu kepada pihak pembangun. Namun begitu, cucu nenda tetap dengan mempertahankan amanah arwah nendanya supaya menjaga dusun pusaka secara bersama.

Berdasarkan perlakuan dan tindakan oleh watak cucu tersebut jelas menunjukkan bahawa dia patuh terhadap amanah yang ditinggalkan. Selain itu, cucu nenda juga menyedari bahawa pentingnya menjaga kesamarataan hak dalam pembahagian harta pusaka secara adil supaya akan mewujudkan hubungan kekeluargaan yang harmoni. Hal ini menunjukkan bahawa cucu nenda yang mempertahankan wasiat nenda merupakan gambaran seorang yang berkeperibadian mulia sejajar dengan pendekatan kemasyarakatan yang menekankan unsur kebaikan. Menerusi pendekatan ini menegaskan nilai kesamarataan hak sebagai unsur keindahan dalam karya yang selari dengan etika sosioekonomi Islam. Kesamarataan hak merupakan sebahagian daripada nilai murni yang harus dipupuk untuk mengeratkan hubungan anggota masyarakatnya.

Pembangunan

Menurut Sham Sani (1993), alam sekitar dan pembangunan saling berkait antara satu sama lain. Pembangunan tidak akan wujud dan berkembang sekiranya sumber sekitar semakin merosot. Alam sekitar juga tidak dapat dipelihara dan dipulihara sekiranya pertumbuhan pembangunan tidak langsung mengambil kira kos, pemusnahan, dan pemuliharaan semula jadi alam sekitar yang perlu dilakukan. Pembangunan mampan bukannya bersifat statik tetapi merupakan satu proses perubahan apabila pengeksplorasi sumber, arah pelaburan, orientasi pembangunan teknologi dan perubahan institusi diatur supaya selaras dengan keperluan masa kini dan masa mendatang. Kegiatan pembangunan memberi kesan kepada pendapatan per kapita penduduk. Proses ini merangkumi pelbagai aspek seperti tahap ekonomi untuk penduduk mencapai kehidupan yang lebih sempurna. Persoalan tentang pembangunan ekonomi dibincangkan dalam cerpen “Dusun Ibunda” sebagaimana dalam petikan di bawah iaitu:

...Dusun pusaka ini pernah beberapa kali ditawarkan harga tertinggi untuk dibeli oleh saudagar dan hartawan kota. Mereka kata tanah dusun ini ada nilai komersial. Kedudukannya di persimpangan antara kota dan pedalaman amat sesuai untuk didirikan calet dan kawasan riadah.

(Dusun Ibunda, 2015, p. 137)

Dua orang lelaki berpakaian kemas mengeluarkan beg hitam sarat berisi dengan helaian duit. Mata kami tidak berkeliplip saat menyaksikan jumlah wang yang tidak terkira banyaknya di dalam beg sandang. Lama, kami membuat keputusan sebelum diajukan perkara ini kepada nenda di rumah. Nenda tarik nafas sambil memerhatikan setiap wajah anak cucu di hadapannya.

(Dusun Ibunda, 2015, p. 138)

“Kamu orang muda mudah digoda oleh duit ringgit. Kamu cepat hilang kewarasan dan pedoman. Kamu sanggup gadaikan maruah dan harga diri dengan nilaiang wang. Adakah kamu tahu nenek moyang kamu dahulukala sanggup berkorban tenaga dan seluruh jiwa untuk mendapatkan dusun pusaka itu? Itu dusun warisan. Tanah ibunda zaman-berzaman. Menjual dan menggadai dusun pusaka itu samalah seperti menjual bangsa Melayu kepada orang asing.”

(*Dusun Ibunda*, 2015, p. 138)

“Jangan bersikap tamak haloba kerana sikap itu dibenci agama....” Pesan nenda melebat dalam hati dan jiwa kami —anak-anak cucu Haji Malaya yang berjanji akan teguh dan setia memelihara dusun tercinta ini.”

(*Dusun Ibunda*, 2015, p. 139)

Berdasarkan petikan ini, diceritakan bahawa cucu-cucu nenda pernah ditawarkan harga belian yang tinggi oleh pihak pembangun yang ingin membeli tanah dusun nenda untuk dijadikan kawasan riadah. Kedudukannya yang strategik telah menarik minat pihak pembangun untuk membeli tanah dusun itu. Sikap cucu-cucu nenda yang mudah terpengaruh dengan godaan wang yang banyak telah mengecewakan nenda. Nenda berpesan kepada cucu-cucunya bahawa tanah dusun itu Namun begitu, nenda tidak menerima tawaran pihak pembangun. Menurut nenda, tanah dusun itu merupakan tanah warisan dan perlu dipertahankan sebaiknya. Hal ini dapat dibuktikan dengan petikan “Menjual dan menggadai dusun pusaka itu samalah seperti menjual bangsa Melayu kepada orang asing....” bermakna manusia perlu saling mempertahankan sesama sendiri. Hal ini juga menuntut sikap yang amanah dan tidak tamak kerana sikap sebegini tidak menepati ajaran Islam. Secara tidak langsung, persoalan ini menepati pendekatan kemasyarakatan yang menuntut manusia untuk membuat kebaikan dan tidak mengamalkan sikap yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Pekerjaan

Kerja atau pekerjaan merujuk kepada sesuatu yang diusahakan secara berterusan kerana mencari nafkah (*Kamus Dewan*, 2005). Aktiviti seharian yang dilakukan oleh setiap individu sebagai satu usaha untuk mencari nafkah dan sara hidup sama ada bagi dirinya atau tanggungannya secara berterusan adalah termasuk dalam kategori kerja atau pekerjaan. Isu pekerjaan disentuh secara tidak langsung yang dapat dilihat pada watak Ahmad Habib sebagaimana yang terdapat dalam cerpen “Makna Dalam Warna”. Persoalan pekerjaan ini dapat dilihat sebagaimana dalam cerpen “Makna Dalam Warna” pada contoh petikan berikut:

“...Kedua-dua ibu bapa Bapak menginginkan Bapak menceburi bidang yang menjanjikan hari depan yang bercahaya gemilang. Kata mereka, Bapak perlu mengikuti jurusan perubatan dan kewangan kerana dunia akan jatuh di atas riba dengan segala peluang kerjaya yang mampu melonggokkan intan dan permata.”

(*Makna Dalam Warna*, 2015, p. 53)

Berdasarkan petikan, watak Ahmad Habib diceritakan telah memberitahu Irfan bahawa dia tidak memilih pekerjaan yang diinginkan oleh ibu bapanya. Hal ini demikian kerana ibu bapanya menginginkan Ahmad Habib menceburi pekerjaan yang menjanjikan gaji yang tinggi. Namun, Ahmad Habib bertindak memilih kerja yang disukainya tanpa memandang pada ganjaran. Disebabkan itulah, Ahmad Habib telah membuka galeri lukisannya sendiri. Cerpen juga menceritakan bahawa pekerjaan itu dipilih disebabkan Ahmad Habib mencintai dunia seni lakaran. Berdasarkan tindakan watak Ahmad Habib itu menunjukkan bahawa pekerjaan itu tidak hanya dipandang pada amaun gaji sahaja dan hanya mengejar keduniaaan, tetapi juga perlu berdasarkan minat yang selaras dengan tuntutan Islam.

Selain itu, persoalan tentang pekerjaan turut dilihat dalam cerpen “Penjara Cinta”. Persoalan ini ditonjolkan melalui watak Syahrul Hakimi sebagaimana yang dapat dilihat pada petikan berikut:

“Kali ini aku tidak bersendirian. Ada yang teringin hendak bertemu denganmu, Syahrul....”

Dia sedikit terkejut.

“Siapa...? Pegawai kedutaankah?”

“Bukan...tetapi kedua-dua ibu bapa Nicholas Olsson. Ada sesuatu yang ingin diluahkan mereka....”

Tidak sampai seminit kemudian, kedua-dua pasangan itu sudah muncul dihadapannya. Dia tergamam bagai tidak percaya, apakah agenda dan perancangan mereka lagi? Tidak cukupkah dengan memenjarakan batang tubuh aku di sel ini? Hatinya menerjah penuh wasangka.

(*Penjara Cinta*, 2015, p. 34)

... “Mr Syahrul, semenjak Tuan memukul anak saya hari itu, saya dapati perangainya sudah mula berubah. Disiplinnya terkawal dan dia mula menunjukkan sikap positif. Saya kagum akan cara dan kaedah Tuan mendidik pelajar Barat. Sayang, Tuan telah dipenjarakan kerana anak kami.”

(*Penjara Cinta*, 2015, p. 35)

Berdasarkan petikan di atas, watak Syahrul Hakimi diceritakan bahawa dia memilih untuk menjadi guru di sekolah rendah swasta di Stockholm kerana ingin menambah wang saku pada sepanjang cuti semester. Setelah permohonan kerjanya diterima, Syahrul Hakimi memulakan tugasnya sebagai pendidik. Walau bagaimanapun, kehidupan Syahrul Hakimi diuji setelah dia dipenjarakan akibat merotan seorang pelajarnya yang bernama Nicholas Olsson. Namun, pada akhir cerita, ibu bapa Nicholas telah datang ke penjara dan berterima kasih kepada Syahrul Hakimi kerana disebabkan tindakan Syahrul Hakimi merotan anak mereka telah mengubah sikap Nicholas menjadi lebih baik. Jelas bahawa pilihan Syahrul Hakimi telah berakhir dengan baik, iaitu berjaya mengubah sikap pelajarnya yang nakal sekali gus menunjukkan bahawa cara didikan Islam dapat mengubah tingkah laku seseorang kearah positif.

Seterusnya, persoalan tentang pekerjaan turut dilihat dalam cerpen “Layar Dongengan” yang ditonjolkan melalui watak Asmadi. Persoalan ini timbul daripada perbuatan Asmadi yang telah pergi ke Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan. Contohnya dapat dilihat pada petikan berikut:

“Nama aku Mustafa — pengarah produksi untuk filem terbaru yang akan masuk ke pawagam tidak lama lagi. Aku sedang mengarahkan sebuah filem seram tempatan yang bakal disebut-sebut oleh semua peminat filem seram. Kami memerlukan beberapa orang pekerja di belakang tabir. Mahukah kamu menyertai kami sebagai pekerja am?”

(*Layar Dongengan*, 2015, p. 44)

Berdasarkan petikan di atas, Asmadi telah mendapat kerja sebagai pekerja am dalam bidang perfileman. Asmadi telah pergi ke ibu kota dan terserempak dengan sekumpulan petugas syarikat perfileman tempatan. Diceritakan bahawa Asmadi disapa oleh Encik Mustafa yang merupakan pengarah produksi. Pada ketika itulah Asmadi ditawarkan pekerjaan oleh Encik Mustafa. Tindakan Asmadi yang ingin mencari pekerjaan di bandar telah membawa hasil. Asmadi telah mendapat rezeki dalam bidang perfileman. Daripada petikan ini dapat difahami bahawa rezeki yang diberikan sememangnya telah ditetapkan oleh Allah SWT dan Asmadi telah menjalankan tugasnya sebagai pekerja dengan baik dan menurut ajaran Islam.

Rumusannya, berdasarkan petikan-petikan yang diberikan, pekerjaan yang dipilih oleh Syahrul Hakimi, Asmadi dan Ahmad Habib bukanlah semata-mata kerana ganjaran dunia tetapi adalah kerana minat dan juga kebolehan mereka serta memenuhi tuntutan kerja yang baik menurut agama.

Pembandaran

Pembandaran merupakan satu usaha untuk menjadikan sesuatu kawasan dan penduduknya berubah daripada mundur kepada adanya aktiviti perindustrian dan pembangunan. Namun begitu, pembandaran akan mengakibatkan alam semula jadi musnah akibat

daripada proses pembandaran yang tidak terkawal. Persoalan tentang pembandaran ditemukan dalam cerpen “Jentayu Mengepak Langit” sebagaimana pada petikan: “...Zaman beredar. Musim beralih. Dunia bahari telah menjengah dengan membawa segala alatan kemajuan dan peradaban baharu (*Jentayu Mengepak Langit*, 2015, p. 70).

Berdasarkan petikan di atas, perubahan zaman secara tidak langsung telah merubah sesuatu keadaan. Melalui petikan di atas juga, dunia mengalami pembandaran dengan segala peralatan yang canggih yang membawa kepada peradaban yang baru. Dalam cerpen ini, “Jentayu” disimbolkan sebagai warisan pusaka bangsa yang perlu dijaga dengan sebaiknya. Imej “Geroda” pula disimbolkan sebagai aktiviti pembandaran. Warisan Melayu sering diancam dengan kepesatan ekoran daripada aktiviti pembandaran yang boleh menjelaskan dan merosakkan warisan tamadun bangsa. Mesej yang boleh diambil daripada petikan ini ialah warisan alam perlu dijaga daripada segala aktiviti yang boleh merosakkannya kerana dalam Islam tidak menginginkan sebarang kemusnahan yang dapat memberikan kemudaratan dan kepayaan kepada manusia. Cerpen ini memperlihatkan kepesatan aktiviti perbandaran yang dilakukan akan merosakkan warisan peninggalan tamadun bangsa.

Rumusan

Berdasarkan persoalan-persoalan yang dikemukakan dalam aspek sosioekonomi, jelas menunjukkan bahawa pemikiran Islam dikemukakan melalui cerpen-cerpen yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani*, iaitu dalam cerpen “Aku Belum Mati Lagi”, “Dusun Ibunda”, “Makna Dalam Warna”, “Penjara Cinta”, “Layar Dongengan” dan “Jentayu Mengepak Langit” dengan beberapa persoalan iaitu kemiskinan dan penindasan, kesamarataan hak, pembangunan, pekerjaan dan perbandaran yang pada akhirnya menunjukkan nilai kebijakan dan kesejahteraan hidup. Persoalan-persoalan yang ditimbulkan ini juga adalah bertujuan untuk melihat bagaimana pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dapat dikaitkan dengan kehidupan masyarakat. Analisis cerpen ini menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Persoalan-persoalan yang ditemukan melibatkan aspek

kemasyarakatan yang membawa ke arah kebaikan dan kemajuan yang dapat mempengaruhi kehidupan sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Berdasarkan analisis terhadap bahan yang dikaji, dapatlah disimpulkan bahawa pemikiran Islam dikenal pasti dan diklasifikasi melalui persoalan-persoalan yang ditimbulkan dalam aspek sosioekonomi. Seterusnya, kajian ini mencapai objektif kedua iaitu untuk menganalisis pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dan pada akhirnya dapat menghubung kaitkan dengan kehidupan masyarakat.

Bibliografi

- Ab. Halim Mohamad & Muhd Zulkifli Ismail. (2003). Akhlak sebagai satu identiti dalam *Syair Sufi Hamzah Fansuri. Monograf Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu*. Bil. 8. Julai 2003. hlm 137-138. Jabatan Bahasa Melayu. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1988). *Unsur-unsur Islam dalam puisi Melayu moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aveling, Harry. (1993). “*Towards a Muslim Malay Literature: Shahnon Ahmad and Tok Guru*” dlm. Ainon Abu Bakar. (ed). *Telaah sastera Melayu: Himpunan Kertas Kerja Minggu Sastera Malaysia di London 1992*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1994) dlm. Jumali Hj. Selamat & Che Abdullah Che Ya (2010). Analisis Teks Cucu Tuk Wali Menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan. *Jurnal Personalia Pelajar*. Bil 13 Jun 2010 p. 19-36.
- Hashim Awang. (2013). “*Teori Perkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*”, *Kertas Kerja dalam Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka. Riviera Bay Resort, Melaka, 28 - 29 Jun 2002* dlm *Pemikiran Dharmawijaya Menterjemahkan Sosialisasi Masyarakat Desa dan Kota*. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak.

- Ismail. (1990). Dlm Dorisi Anak Resit (2002). "Pembangunan kawasan sekitar: implikasi ke atas struktur sosio demografi dan ciri-ciri sosioekonomi penduduk di skim penempatan semula batu 4 ½ Batu Kawa, Kuching". Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Sarawak.
- Joni Tamkin Borhan. (2008). Pemikiran pembangunan ekonomi berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin*. Bil 27. 2008, pp. 93-107.
- Kamus Dewan*. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir Md. Nor. (1991). "Puisi - puisi Muhammad Haji Salleh: Satu kajian terhadap tema dan pemikiran". Tesis Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Zarifi Mohamad Dail & Taqwa Zabidi. (2009). Petunjuk-petunjuk keadilan sosial. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Volume 22. 2009. pp. 117-138.
- Muhamad Haji Salleh. (1998). *Cermin diri: Esei-esei kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Muhammad Al-Sayyid Yusuf. (2008). *Tafsir ekonomi Islam konsep ekonomi al-Quran*. Johor Bharu: Penerbit Perniagaan Jahabersa.
- Naffie Mat. (2013). *Pemikiran Dharmawijaya menterjemahkan sosialisasi masyarakat desa dan kota*. Tanjung Malim, Perak: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Naffie Mat. (1999). "Pemikiran dalam Puisi-puisi penyair lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris selepas merdeka". Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Nazri Hussein. (2015). *Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Nordin Mohamad. (1997). "Penerapan nilai - nilai Islam dalam novel - novel pilihan Shahnon Ahmad". Tesis Sarjana. Jabatan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ramli @ Sahari Isin. (2003). “*Pengalaman memperkasakan visi dan pemikiran puisi - puisi Baha Zain*” dlm *Monograf Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu*. Bil. 8.Julai hlm 113 - 115. Jabatan Bahasa Melayu. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Ramli Isin. (2003). *Cerpen Melayu mutakhir: Analisis pemikiran dan teknik naratif* dlm *Monograf Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu*. Bil. 8.Julai. pp. 107 - 129. Jabatan Bahasa Melayu. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Samsina Abd. Rahman. (1990). ‘Puisi - puisi Sayembara Anugerah Puisi Putra: Kajian pemikiran dan nilai estetik’. Tesis Sarjana. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Samsudin Ahmad. (2000). “Sajak-sajak Masuri S.N.: Analisis pemikiran dan bentuk luaran”. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Sham Sani (1993) dlm. Maharam Mamat (2009). Prinsip pembangunan mampan dalam novel ‘*Desir Angin di Pergunungan*’. *Jurnal MALIM* Bil 10. 2009, pp. 209-235.
- Syed Nurul Akla Syed Abdullah. (1996). “*Pengislaman kesusasteraan: Beberapa pandangan sarjana Islam*”. *Dewan Sastera*. September. 1996, pp. 22 - 31.
- Zaharah Zulkifly. (2001). “Pemikiran dalam Puisi-puisi Leo A.W.S: Analisis Takmilah”. Tesis Master. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.